

**TEKS UCAPAN
YB TUAN BARU BIAN
MENTERI KERJA RAYA**

**SEMPENA
KEMPEN KIBARKAN JALUR GEMILANG ANJURAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA DAN PERSATUAN
SYARIKAT-SYARIKAT KONSESI LEBUHRAYA MALAYSIA
(PSKLM) TAHUN 2018**

PADA

30 OGOS 2018

(KHAMIS)

BERTEMPAT DI

**PLAZA TOL LOKE YEW
LEBUHRAYA BESRAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

SALUTASI

Salam Sejahtera dan Selamat Petang,

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) di atas kesudian menjemput saya hadir pada petang yang harmoni ini untuk **Kempen Kibar Jalur Gemilang** sempena sambutan Hari Kemerdekaan Malaysia tahun 2018 yang ke-61.

2. Sebagai rakyat Malaysia yang bernaung di bumi yang cukup bertuah ini, kita seharusnya berasa bangga menjadi sebahagian daripada rakyat negara yang berdaulat, bebas dan merdeka. Ini kerana, kita dapat menikmati kehidupan dalam suasana yang harmonis, aman serta sejahtera. Dengan nikmat kemerdekaan ini juga, rakyat di negara ini dapat menjalinkan hubungan silaturrahim, sekaligus, mengeratkan lagi perpaduan antara kaum. Perpaduan adalah suatu nikmat yang tidak ternilai dan ianya perlu dipupuk dalam diri kita semua agar kemerdekaan Malaysia dapat dipertahankan sampai bila-bila.

3. Sejak negara ini mencapai kemerdekaan, kita telah menyaksikan transformasi yang signifikan daripada pelbagai aspek, termasuk pembangunan lebuhraya. Pembangunan ini sudah semestinya, antara tunjang utama kepada arus modenisasi yang rakyat Malaysia nikmati pada hari ini. Takrifan modenisasi boleh dikaitkan dengan satu proses transformasi atau perubahan dalam segala aspek kehidupan masyarakat yang mana ia berlaku secara berencana yang mempunyai matlamat, kaedah dan penetapan ukuran pencapaian terlebih dahulu sebelum sesuatu perubahan dilaksanakan.

4. Menerusi pelbagai sekuen pelan pembangunan yang direncanakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia bermula daripada tahun 1980-an lagi, Malaysia kini mempunyai **29** bilangan lebuhraya sedang beroperasi, sepanjang **1,981.1** kilometer. Rangkaian lebuhraya ekstensif yang menghubungkan antara bandar dan luar bandar, inilah merupakan pemangkin kepada pembangunan modenisasi sosio-ekonomi dan infrastruktur Malaysia. Asas kepada proses modenisasi ini jelas telah merubah kehidupan dan membangunkan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia ke tahap yang lebih baik berbanding zaman pra-kemerdekaan. Hasil daripada pembangunan ini, ribuan peluang pekerjaan telah diwujudkan dan jaringan mobiliti akses juga lebih efisien dan strategik. Pembangunan sektor komersial dan hartanah

juga turut mengalami impak yang positif kesan daripada kewujudan serta kemudahan lebuhraya.

5. Semangat kecintaan patriotisme terhadap negara menuntut ketaatan, tanggungjawab serta pengorbanan yang jitu dan komited daripada kita semua. Ianya bukan retorik semata-mata tetapi semangat untuk mempertahankan kedaulatan Negara. Berkat jasa, bakti dan pengorbanan para perajurit serta anggota keselamatan tanah air yang selama ini tidak mengenal erti penat lelah dan berkorban apa sahaja untuk menjamin keamanan yang kita kecapi pada hari ini tidak boleh dipersiapkan begitu sahaja.

6. Kita perlu menggilap semangat cintakan negara, bukan sahaja bersempena pada bulan kemerdekaan sahaja namun semangat ini perlu disemarakkan dalam setiap tindakan dan perbuatan kita. Itu lah sikap sebagai rakyat yang patriotisme yang memiliki jiwa yang merdeka. Justeru, marilah kita semua mengibarkan jalur gemilang kerana inilah tanda kesetiaan semangat cintakan negara tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan etnik. Rakyat Malaysia sememangnya unik dan ini yang menjadikan kita semua istimewa.

7. Akhir kata, marilah kita berdiri dan bangkit bersama-sama dengan hati yang ikhlas dan tekad yang baru, memandang masa depan dengan jiwa yang kental dan merdeka dalam satu solidariti, senada dan seirama. Ayuh, kita semarakkan tekad dan iltizam memakmurkan Malaysia Baharu demi kesejahteraan bersama rakyat Malaysia. Kibarkanlah Jalur Gemilang dengan bangganya! Sayangi Malaysiaku

Sekian terima kasih.